

SUDUT PANDANG PELAKSANAAN KAJIAN KES KUALITATIF TERHADAP NATURALISASI PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

[A VIEWPOINT OF THE IMPLEMENTATION OF QUALITATIVE CASE STUDIES ON MALAY LANGUAGE EDUCATION RESEARCH NATURALISATION]

MARZNI MOHAMED MOKHTAR^{1*}

MARNI JAMIL²

Abstrak

Dalam pendidikan Bahasa Melayu, proses naturalisasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu mempunyai dua langkah utama untuk dilaksanakan iaitu (i) latihan bagi penguasaan struktur bahasa yang tepat dan sesuai dengan sesuatu konteks penggunaan; dan (ii) penglibatan murid dalam aktiviti penggunaan bahasa (aktiviti berkomunikasi) yang dirancang oleh guru bagi membolehkan murid menggunakan struktur yang dipilih dalam konteks penggunaannya. Reka bentuk penyelidikan kualitatif menjadi pilihan dalam kalangan penyelidik bidang Bahasa Melayu lantaran keupayaan kajian kes kualitatif membuat deskripsi yang terperinci terhadap proses naturalisasi PdP ini. Namun begitu, persepsi bahawa pelaksanaan kajian kes kualitatif adalah mudah untuk dilaksanakan ini perlu diteliti dengan sebaik-baiknya. Hal ini demikian kerana kajian kes kualitatif memerlukan komitmen yang tinggi oleh seseorang penyelidik memandangkan penyelidik perlu memainkan peranan sebagai instrumen kajian. Penyelidikan pendidikan Bahasa Melayu juga perlu cakna akan keperluan dan ciri-ciri khusus kajian kes kualitatif dalam usaha mendapatkan data yang kaya dan bermakna kepada penyelidikan yang dijalankan. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan secara terperinci berkaitan andaian paradigma pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif, ciri-ciri khusus kajian kes kualitatif, proses naturalisasi pendidikan Bahasa Melayu, asas pelaksanaan kajian kes kualitatif dalam penyelidikan pendidikan Bahasa Melayu dan kerangka panduan pelaporan penyelidikan kajian kes kualitatif Pendidikan Bahasa Melayu.

Kata Kunci: penyelidikan kualitatif, kajian kes, proses naturalisasi, pendidikan Bahasa Melayu, kerangka laporan.

Abstract

In Malay language education, two main steps to be implemented in the process of Malay language teaching and learning naturalisation process (PdP) include (i) the practice on the mastery of accurate sentence structure in accordance with the context of language use; and (ii) the involvement of students in language use activities (communication activities) planned by the teacher to enable students to use the selected structure in the context of language use.

¹ Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Corresponding Author:

Email: marzni@upm.edu.my

²Marni Jamil, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang.

Qualitative research design is of choice among researchers in the field of Malay language because of its qualitative case study ability to make detailed descriptions of the PdP naturalisation process. Nevertheless, the perception that qualitative case study is easy to implement needs to be duly scrutinised. Qualitative case studies require the researcher's high level of commitment that demands the role of a research instrument. Malay education research should be concerned about the needs and specific characteristics of qualitative case studies to obtain rich and meaningful research data. Thus, this paper discusses matters related to the assumption of qualitative research design selection paradigm, the specific characteristics of qualitative case studies, the process of Malay language education naturalisation, the basic implementation of qualitative case studies in the Malay language education, and the framework of qualitative case studies reporting guidelines in the Malay language education.

Keywords: qualitative research, Malay Language Education, naturalisation process, reporting framework.

Cite This Article:

Marzni Mohamed Mokhtar & Marni Jamil. 2021. Sudu pandang Pelaksanaan Kajian Kes Kualitatif terhadap Naturalisasi Penyelidikan Pendidikan Bahasa Melayu. *Asian Journal of Civilization Studies. (AJOCS)*, 3(2)

PENGENALAN

Penyelidikan merupakan aktiviti ilmiah yang merangkumi gejala konkret, abstrak, alam sekitar atau hubungan manusia yang dikaji atau diselidik oleh individu-individu yang berkecimpung atau berminat dalam bidang ilmiah (Asmah Omar, 2015). Penyelidikan yang dilakukan membuka peluang dan ruang kepada pengkaji untuk menambahkan pengetahuan tentang perkara atau gejala yang dikaji bahkan turut menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan pengkaji tentang gejala yang dihadapi. Penyelidikan yang dilakukan terhadap sesuatu gejala dengan baik dapat menimbulkan teori-teori baharu yang berhubung dengan gejala itu. Pelaksanaan sesuatu penyelidikan melibatkan tiga fasa utama, iaitu (i) fasa pertama (melibatkan penentuan pernyataan masalah, persoalan, hipotesis atau objektif kajian); (ii) fasa kedua (melibatkan kajian literatur, reka bentuk kajian, instrumentasi, kajian awal); dan (iii) fasa ketiga (melibatkan pengumpulan data, analisis data atau hasil kajian, dan penyediaan laporan) (Ang Kean Hua, 2016). Selain itu, sesuatu penyelidikan yang dilangsungkan juga perlu mengambil kira beberapa perkara seperti batasan masa kajian, sumber kewangan yang sedia ada, dilema etika, dan sebagainya (Balakrishnan Parasuraman, 2017). Justeru, seseorang penyelidik bidang sains sosial perlu memilih satu kaedah kajian yang relevan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan dan digunakan sebagai kerangka panduan pada peringkat data analisis dan bahagian perbincangan.

Dalam bidang sains sosial, terdapat dua reka bentuk penyelidikan yang digunakan iaitu penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang memberikan perhatian terhadap konteks sosial dan budaya yang menjurus kepada aspek pendapat, pengalaman, dan pemahaman manusia secara mendalam dan bukannya setakat usaha untuk menghubung kait antara pemboleh ubah semata-mata (Denzin & Lincoln, 2008). Penyelidikan kualitatif dalam bidang sains sosial berperanan sebagai wahana untuk penyelidik menghuraikan pengalaman, tingkah laku, emosi, perasaan, dan interaksi antara

manusia (Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah & Siti Rahayah Arifin, 2010). Dalam kajian kualitatif, seseorang penyelidik perlu membina makna bagi memahami sesuatu fenomena secara rinci dan tepat dapat dilakukan (Faridah Darus, Rohaida Saat & Abd Razak Zakaria, 2013). Malah, penyelidikan kualitatif juga memberikan ruang kepada penyelidik untuk menyatakan perasaan sama ada bersetuju atau sebaliknya dengan pandangan peserta kajian dan menceritakan ketegangan yang dihadapi ketika meneliti sesuatu perkara (Koo Yew Lie, Wong Fook Fei, Kemboja Ismail, Chang Peng Kee & Mohd. Subakir Mohd Yasin, 2011).

Asmah Omar (2015) memberikan takrifan bahawa istilah kualitatif merujuk kepada perkataan kualiti bagi menggambarkan penyelidikan yang memberi penekanan terhadap kewujudan atau penghuraian kualiti atau mutu ciri-ciri yang ada pada gejala yang dikaji tidak kira sama ada ciri tersebut sering atau jarang berlaku. Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk menerangkan sifat penyelidikan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Istilah-istilah terdiri daripada pendekatan kualitatif (Merriam, 1988 & 2009); orientasi kualitatif (Patton, 2001); tradisi kualitatif (Glesne, 2011; Cresswell, 2013); dan strategi kualitatif (Denzin & Lincoln, 2008). Dalam kertas kajian ini, penyelidik lebih bersetuju untuk menggunakan pandangan Merriam (1988 & 2009) bagi menerangkan sifat kualitatif iaitu menggunakan istilah pendekatan kualitatif. Setiap pendekatan kajian kualitatif yang digunakan dalam sesebuah kajian adalah berbeza jika diteliti dari aspek fokus kajian, hasil dapatan kajian, teknik penyoalan bagi menjawab soalan kajian, teknik pensampelan, proses pengumpulan dan penganalisisan data serta penulisan laporan penyelidikan (Noriah Idris et al., 2010; Glesne, 2011).

Terdapat lapan pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Lapan pendekatan ini terdiri daripada (i) kajian kes (penyelidikan terperinci sesuatu fenomena atau unit sosial); (ii) etnografi (penyelidikan terhadap budaya tertentu); (iii) fenomenologi (penyelidikan yang memberi tumpuan terhadap pengalaman subjektif manusia serta takrifan mereka tentang dunia); (iv) grounded theory (penyelidikan yang berkaitan dengan pembinaan teori); (v) penyelidikan biografi (penyelidikan ke atas seseorang individu dan pengalaman yang dilaluinya); (vi) penyelidikan sejarah; (vii) penyelidikan klinikal; dan (viii) penyelidikan peserta. Dalam kertas kajian ini, kupasan secara rinci akan dilakukan terhadap pendekatan kajian kes kualitatif.

ANDAIAN PARADIGMA PEMILIHAN REKA BENTUK PENYELIDIKAN KAJIAN KUALITATIF

Di Malaysia, kajian kualitatif masih belum menjadi satu perkaedahan utama dalam kalangan penyelidik-penyalidik sains sosial. Hal ini demikian kerana penyelidikan kualitatif dianggap sebagai pendekatan tambahan atau sampingan yang tidak memerlukan penyelidik arus perdana (mainstream researcher) untuk memberikan pertimbangan serius terhadap apa yang dilakukan, dipelajari dan dirasai oleh seseorang penyelidik dan terlibat secara keseluruhan dalam proses pelaksanaan penyelidikan (Balakrishnan Parasuraman, 2017). Selain itu, Cresswell (2013 & 2014) mempunyai pandangan bahawa andaian paradigma yang melibatkan lima dimensi iaitu (i) epistemologi; (ii) ontologi; (iii) metodologi; (iv) aksiologi; serta (v) retorik bagi penyelidikan kuantitatif dan kualitatif turut mempengaruhi pemilihan reka bentuk sesuatu penyelidikan.

Andaian paradigma dimensi epistemologi memperlihatkan pegangan penyelidik kuantitatif bersikap tidak bersandar dan menjaga jarak (detachment) dengan realiti yang diteliti sementara bagi penyelidik kualitatif, adalah sangat penting untuk menjalin interaksi yang rapat dengan realiti yang dikaji. Adalah menjadi kebiasaan dalam kajian kualitatif untuk penyelidik berinteraksi dengan subjek kajian melalui perhubungan yang rapat sama ada penyelidik tinggal bersama dengan subjek kajian, atau menjalankan pemerhatian bagi satu tempoh yang panjang. Andaian paradigma dimensi epistemologi ini juga melibatkan kepercayaan tentang bentuk pengetahuan yang boleh diperoleh dan bagaimana seseorang mengasingkan apa yang dianggap sebagai benar dan apa yang dianggap sebagai palsu (Othman Lebar, 2017). Bagi andaian paradigma dimensi epistemologi ini, dapat difahami sebagai bagaimana cara peserta kajian mempunyai asas pengetahuan memahami dunia dan menghubungkannya sebagai pengetahuan kepada manusia lain.

Manakala, andaian paradigma ontologi kajian bagi reka bentuk penyelidikan kuantitatif pula melihat realiti sebagai “objektif” dan dalam kaca mata luar ruang lingkup sosial mereka yang terlibat dalam kajian, serta pengkaji dapat berdikari. Andaian ini menjadi sebaliknya bagi pengamal kualitatif kerana realiti dipandang sebagai hasil rekonstruksi oleh individu yang terlibat dalam situasi sosial (Gumilar Rusliwa Somantri, 2005). Tumpuan utama penyelidik bagi andaian paradigma ontologi adalah melihat pemahaman tentang sesuatu kes daripada perspektif orang dalam (emic) dan bukannya pandangan orang luar (etic) (Othman Lebar, 2017).

Andaian paradigma dimensi metodologi juga perlu diteliti dalam memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif. Hal ini demikian kerana kajian kualitatif menggunakan metodologi logik induktif kerana tema yang wujud adalah dibekalkan oleh peserta kajian dan tidak ditentukan lebih awal oleh penyelidik. Tema ini juga terhasil akibat proses traingulasi yang berlaku semasa proses pemerolehan data yang membentuk pola-pola atau teori yang membantu penyelidik untuk menjawab soalan kajian.

Bagi andaian paradigma dimensi aksiologi pula, andaian ini memerihalkan peranan nilai dalam penyelidikan. Penyelidik kualitatif mempunyai kepercayaan peribadi bahawa adalah penting untuk menyatakan nilai dalam laporan kajian yang disediakan. Penggunaan laras bahasa “orang pertama” digunakan sebagai cerminan pandangan dan nilai diri penyelidik kualitatif. Seterusnya, andaian paradigma retorik pula menunjukkan bahawa bagi penyelidik kuantitatif, bahasa yang diguna pakai bersifat formal dan melibatkan penggunaan angka atau data-data statistik berbanding dengan penyelidikan kualitatif yang memerlukan penyelidik melakukan interpretasi dan justifikasi bagi realiti yang dikaji dengan menggunakan perbendaharaan kata yang baik (Gumilar Rusliwa Somantri, 2005). Antara istilah bahasa yang digunakan dalam kajian kualitatif ialah pemahaman, penemuan dan makna berdasarkan konsep dan tema yang timbul semasa kajian kualitatif dilangsungkan (Othman Lebar, 2017).


Justeru, adalah penting bagi seseorang penyelidik mempunyai kefahaman yang jelas berkaitan andaian paradigma dimensi tertentu sebelum menentukan reka bentuk penyelidikan yang akan digunakan. Sekiranya penyelidik dapat berupaya memenuhi keperluan andaian paradigma dimensi ini, pastinya penyelidik sains sosial dapat menangani isu longgokan data yang bertimbun semasa proses pemerolehan data dilakukan kerana dapat mengenal pasti keperluan yang berbeza bagi setiap andaian paradigma mengikut dimensi tertentu.

CIRI-CIRI KHUSUS KAJIAN KES KUALITATIF

Kajian kes merupakan kajian yang memberi perhatian pada penerokaan dan penganalisisan sesuatu unit dalam kehidupan yang merangkumi individu, keluarga, institusi, budaya sesebuah kumpulan mahupun komuniti (Young dalam Asmah Omar, 2015). Kajian kes juga merupakan pendekatan dalam penyelidikan kualitatif yang membolehkan penyelidik membentuk pemahaman yang menyeluruh dan bermakna berkaitan latar kehidupan atau peristiwa yang sebenar, seperti kitaran hidup manusia, organisasi, perubahan yang berlaku dalam komuniti, hubungan serantau dan kematangan sesebuah industri (Merriam, 1988 & 2009). Selain itu, kekuatan pendekatan kajian kes kualitatif dalam penyelidikan tergambar menerusi kemampuan kajian kes diaplikasikan dalam apa jua situasi untuk menjana pengetahuan atau penemuan baharu yang berkait rapat dengan seseorang individu, organisasi, sosial, politik dan fenomena yang berkaitan kes yang diteliti secara terperinci (Baxter & Jack, 2008; Seawright & Gerring, 2008; Yin, 2003 & 2009).

Gerring (2007) kemudiannya merumuskan antara ciri-ciri khusus kajian kes kualitatif ialah (i) kajian yang melibatkan bilangan sampel yang sedikit; (ii) kajian yang dibuat secara menyeluruh dan mendalam bagi menghuraikan sesuatu kes atau fenomena yang dikaji; (iii) data-data yang dikumpul diperoleh dalam konteks sebenar atau semula jadi; (iv) memerlukan proses triangulasi; (v) menggunakan keterangan daripada proses tertentu (pemerhatian turut serta, kajian lapangan, ujian klinikal, kajian sejarah dan sebagainya); (vi) penyebaran bagi sesuatu topik yang sukar dibezakan antara kes yang dikaji dengan konteks sebenar kajian; (vii) kajian yang melibatkan pemerhatian tunggal dan (viii) kajian yang melibatkan fenomena, contoh atau bukti tunggal.

Dalam kajian kes kualitatif, teras utama adalah bergantung kepada tujuan dan konteks penyelidikan itu dijalankan kerana reka bentuk kajian ini tidak mempunyai suatu prosedur standard yang dapat memenuhi jangkaan dan keperluan semua pihak (Roselan Baki, 2001 & Mason, 2002). Azizah Hamzah (2010) juga mempunyai pandangan yang sama dengan menjelaskan bahawa aspek-aspek tujuan dan konteks kajian perlu dipertimbangkan sebelum menjalankan kajian kes kualitatif. Terdapat lima perkara yang perlu diberikan perhatian dalam memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif menurut Maxwell (2008) iaitu (i) tujuan kajian dilaksanakan; (ii) kerangka konseptual yang membantu penyelidik untuk menentukan isu yang dikaji; (iii) teori yang terlibat, latar kajian, ataupun sorotan kajian terdahulu, soalan kajian yang ingin dijawab terhadap isu yang dikaji dan ingin difahami dengan rinci; (iv) kaedah kajian, iaitu teknik atau pendekatan bagaimana data diperoleh dan dianalisis; dan (v) sejauh mana ketepatan dapatan kajian yang diperoleh Perkaitan kelima-lima perkara ini dihubungkan dengan menjadikan soalan kajian sebagai tunjang utama untuk memilih empat perkara lain. Hal ini dijelaskan dalam Rajah 1.0:



Rajah 1.0: Model Interaktif Reka Bentuk Penyelidikan (Adaptasi dari Maxwell, 2008)

Dalam kajian kualitatif, penyelidik berpeluang untuk memasuki lapangan kajian secara langsung bagi mendapatkan pemahaman atau perspektif peserta kajian terhadap isu yang dikaji. Dengan demikian, pandangan sudut “orang dalam” dapat dilaksanakan (M. Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim, R.Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz, 2008). Pemahaman atau penghuraian berkaitan kekompleksan dan ketidaksetaraan yang berlaku terhadap sesuatu isu yang diteliti dapat dilakukan dengan adil memandangkan penyelidik turut melakukan pemerhatian semasa berada atau memasuki lapangan kajian. Selanjutnya, penyelidikan kualitatif juga berupaya menawarkan peluang kepada penyelidik bertindak sebagai instrumen kajian (Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman, 2001). Hal ini demikian kerana sifat kajian kualitatif itu sendiri yang memerlukan seseorang penyelidik memerhati, merapatkan diri kepada peserta kajian, berinteraksi dengan peserta kajian dan seterusnya memperoleh dan menganalisis data kajian (Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman, 2001; Marohaini Yusoff, 2004).

Dengan adanya ruang penyelidik sebagai instrumen kajian, penyelidik dapat melakukan interpretasi data dengan lebih tepat kerana penyelidik lebih terikat pada perasaan, tanggapan dan penilaian semasa melakukan proses pengumpulan data kajian. Hal ini juga didapati selaras dengan pendapat Frankel & Devers (2000) yang menjelaskan bahawa penyelidik perlu menggalas tanggungjawab dengan sebaiknya terhadap apa jua bentuk data atau informasi yang akan dibekalkan daripada peserta kajian. Kesemua data ini perlu diteliti dari aspek ontologi, espitemologi dan aspek metodologi dalam kajian ini. Hal ini amat penting kerana penentuan hala tuju kajian dan bagaimana cara menggunakan hasil dapatan kajian dapat dicapai sekiranya penyelidik memahami metodologi kajian dengan lebih teliti.

Proses Naturalisasi Pendidikan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu mula digunakan sebagai perantara utama ketika era pendemokrasian pendidikan negara melalui pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Susulan penggunaan bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran hampir tiga dekad itu, ramai ilmuwan tempatan serta bernuansa bahasa Melayu muncul merangkumi pelbagai bidang

dan disiplin ilmu (Radin Muhd Imaduddin Radin Abdul Halim, 2020). Malah, Awang Sariyan (2004) menjelaskan bahawa falsafah pendidikan bersepada Bahasa Melayu ialah terjemahan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi induk kepada Falsafah Pendidikan Bahasa (FPB). Menurut beliau, FPB yang menunjangi pendidikan bahasa ialah (1) Pendidikan bahasa sebagai upaya mengembangkan potensi berbahasa yang dikurniakan Tuhan; (2) Pendidikan bahasa sebagai upaya meneliti sistem alam ciptaan Tuhan; (3) Pendidikan bahasa sebagai satu cabang pendidikan umum, iaitu sebagai subjek atau sebagai sarana pemerolehan ilmu lain; dan (4) Pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat. Selain itu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu (KSSM, 2017) digubal dengan tujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Berdasarkan ketiga-tiga pandangan ini, jelaslah bahawa pendidikan Bahasa Melayu bukan sahaja memberikan perhatian kepada pemantapan aspek kemahiran berbahasa dan sistem Bahasa, bahkan turut memberikan tumpuan terhadap penguasaan sarana ilmu, nilai dan budaya. Sebagai seorang penyelidik pendidikan Bahasa Melayu, adalah penting untuk meneliti kesemua aspek ini diteliti dalam usaha menyempurnakan sesbuah kajian.

Selanjutnya, pengajaran bahasa Melayu merupakan sebuah proses praktikaliti yang dapat dibuat menerusi dua kaedah pelaksanaan. Kaedah pertama dilakukan dengan cara individu guru mengikuti tatacara pelaksanaan pengajaran secara lengkap. Manakala, kaedah kedua pula merujuk kepada satu set prinsip bagi melaksanakan tugas tersebut. Kaedah pertama ini adakalanya tidak dapat dipastikan kemenjadinya bagi satu tugas amali kerana panduan yang diberi mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya bagi golongan yang tidak mempunyai pengalaman mengajar. Justeru, seseorang guru bahasa yang baik perlu mempunyai satu set prinsip yang boleh dijadikan panduan bagi melaksanakan tugasnya itu. Pengertian lain bagi kenyataan ini adalah merujuk kepada perlunya seseorang guru mempunyai teori yang boleh memandunya memahami apa itu bahasa dan bagaimana murid belajar bahasa (Juriah Long, 2010).

Asas Pelaksanaan Kajian Kes Kualitatif dalam Penyelidikan Pendidikan Bahasa Melayu

Dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu, penyelidikan dapat membuka ruang bagi menangani permasalahan atau isu yang berkait dengan pedagogi bahasa dari segenap aspek sama ada sistem, individu, institusi, teori atau apa sahaja. Bagi penyelidik pendidikan Bahasa Melayu yang memilih penyelidikan kualitatif sebagai reka bentuk kajian, adalah perlu untuk membuat persediaan bagi beberapa aspek yang berkaitan dengan metodologi sebelum menjalankan kajian. Antara persediaan awal yang perlu dilakukan sebelum melaksanakan kajian kualitatif ialah penyelidik perlu mempunyai pengetahuan berkaitan teori dan konsep-konsep yang relevan berkaitan isu pendidikan Bahasa Melayu sebelum memasuki lapangan kajian dan tidak hanya memulakan kajian dengan fikiran yang kosong. Hal ini amat signifikan bagi membolehkan penyelidik memahami, menyoal, memperkembangkan untuk dijadikan sebagai soalan-soalan kajian bagi mencari penemuan baharu semasa berada di lapangan kajian (Parsudi Suparlan, 2014).

Pada peringkat fasa pertama (melibatkan penentuan pernyataan masalah, persoalan, hipotesis atau objektif kajian), penyelidik seharusnya mengenal pasti permasalahan kajian sebagai kerangka utama untuk menentukan objektif kajian atau membina soalan kajian (Patton, 2002; Balakrishnan Parasuraman, 2017). Hal ini demikian kerana penyelidik perlu jelas akan permasalahan kajian dengan mengenal pasti isu yang wujud atau timbul, menarik perhatian atau menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian, mencari jawapan atau penyelesaian bagi isu yang dikaji atau berkait dengan sebarang situasi yang ada pada ruang antara tahap yang sebenar dan tahap yang dihayati (Ang Kean Hua, 2016). Pemahaman yang jelas berkaitan pernyataan masalah ini memerlukan penyelidik berfikir secara kritis dan selektif dalam usaha membantu penyelidik mengenal pasti ciri-ciri yang membantu mencari jawapan sebenar terhadap isu yang dikaji dengan menggunakan kaedah kajian yang relevan (Ang Kean Hua, 2016).

Persediaan seterusnya pada fasa kedua (melibatkan kajian literatur, reka bentuk kajian, instrumentasi, kajian awal) melibatkan keupayaan penyelidik pendidikan Bahasa Melayu merangka sorotan literatur. Bagi mendapatkan rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat yang berkaitan dan diperlukan dalam konteks kajian yang diselidik, penyelidik perlu membuat bacaan yang padat, meluas dan menyeluruh. Hal ini amat penting bagi menjadikan perbincangan sorotan literatur yang dibuat dilakukan mengikut perspektif sains seterusnya membantu penyelidik membuat hubung-kait kajiannya (Ang Kean Hua, 2016) dengan pengayaan khazanah ilmu Bahasa Melayu. Penyelidik juga perlu membuat persediaan rapi dari segi bacaan yang dipilih dalam usaha mengelakkan berlakunya penyalinan idea secara langsung dan membantu penyelidik meneliti kelemahan-kelemahan kajian lepas. Dengan adanya persediaan rapi yang dilakukan oleh penyelidik, segala maklumat seperti teori, reka bentuk kajian, kaedah mengumpul dan menganalisis data; manakala jenis sumber terbitan yang boleh digunakan dalam sorotan literatur dapat diperoleh menerusi bacaan daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal, suratkhabar, majalah, prosiding seminar atau konferens, laporan kajian, tesis dan disertasi.

Persediaan bagi fasa ketiga (melibatkan pengumpulan data, analisis data atau hasil kajian, dan penyediaan laporan) iaitu metodologi merupakan perkara yang perlu diberikan pertimbangan oleh penyelidik pendidikan Bahasa Melayu, sekiranya memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif. Hal ini demikian kerana dalam kajian kes kualitatif, penyelidik perlu menghuraikan dan membuat justifikasi bagi segenap aspek yang berkaitan dengan perkaedahan kajian yang digunakan. Aspek-aspek perkaedahan ini merangkumi reka bentuk penyelidikan, peserta kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur penganalisisan data, etika pelaksanaan kajian dan kesahan dan kebolehpercayaan kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012; Marzni Mohamed Mokhtar, 2013). Dalam kajian kes kualitatif, aspek pemilihan peserta kajian secara secara kebiasaannya dilakukan dengan cara pengkaji mengenal pasti, memilih, dan kemampuan penyelidik untuk mengakses kepada sumber yang membekalkan data mengikut metodologi kajian yang telah ditentukan (Mason, 2002).

Menyedari hakikat ini, adalah perlu untuk penyelidik pendidikan Bahasa Melayu menggunakan teknik pensampelan bertujuan dalam memilih peserta kajian bagi kajian kualitatif bagi mendapatkan data yang kaya dan bermakna. Penyelidik perlu memberikan perhatian pada manusia, latar, dan kejadian tertentu (unik, khusus, tersendiri ataupun aneh)

dapat menjana informasi yang penting sewaktu menggunakan teknik pensampelan bertujuan (A. Chaedar Alwasilah, 2002). Seterusnya, persediaan pemilihan tempat kajian dilakukan dengan cara meneliti kesanggupan dan sikap positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian untuk melibatkan diri dalam kajian (Chua Yan Piaw, 2006; Shireena Basree Abdul Rahman, Norshidah Nordin, Nabilah Abdullah, Ghaziah Mohd Ghazali & Rohaya Abdul Wahab, 2010). Kesannya, penyelidik dapat melaksanakan proses pengumpulan data dengan lebih terancang dan teratur kerana memerlukan pemerhatian dalam jangka masa yang lebih lama.

Dalam kajian kes kualitatif, terdapat tiga teknik pengumpulan data utama yang sering digunakan iaitu pemerhatian (melibatkan pelbagai jenis pemerhatian, rakaman video, senarai semak atau borang pemerhatian), temu bual (berstruktur, separa berstruktur, tidak berstruktur, protokol temu bual, penunjuk temu bual, kemahiran menyoal siasat) dan penganalisisan dokumen (buku, jurnal kendiri, gambar, nota edaran dan sebagainya). Gabungan kepelbagaiannya teknik pengumpulan data ini bertujuan untuk memastikan data-data yang diperoleh dapat diinterpretasikan mengikut konteks yang sebenar bagi dipadankan dengan soalan kajian yang dikemukakan (Darlington & Scott, 2002; Chris Cloke, Sabariah & Abdul Said, 2006; Gerring, 2007). Pertimbangan seterusnya yang perlu dipenuhi oleh penyelidik pendidikan Bahasa Melayu dalam melaksanakan kajian kualitatif adalah melibatkan prosedur penganalisisan data. Proses penganalisisan data bagi kajian kes kualitatif perlu dilakukan sebaik sahaja selesai aktiviti temu bual separa berstruktur dan pemerhatian dilaksanakan. Hal ini demikian kerana penyelidik perlu mengumpul dan mengorganisasikan kesemua dokumen yang diperlukan sebagai data sekunder bagi mengelakkan berlakunya longgokan data yang akan menimbulkan masalah untuk ditangani (Anderson, 2004; Gibbs, 2007; Kamarul Azmi Jasmi, 2012a; Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2016).

Proses penganalisisan data ini dilakukan secara bertimbang-balik dengan proses pengumpulan data kerana dilakukan dalam tempoh yang sama ketika penyelidik melakukan kerja-kerja pengumpulan data, pensampelan, pengekodan dan pengkategorian, penemuan makna dan pembinaan tema. A. Chaedar Alwasilah (2002) dan Richards (2014) juga bersetuju bahawa penyelidik tidak seharusnya menunggu dan membiarkan data bertambah dari semasa ke semasa tanpa dianalisis. Setelah tamat proses pengumpulan data dan penganalisisan data, penyelidik pendidikan Bahasa Melayu perlu menulis laporan kajian bagi menghuraikan dapatan kajian untuk menjawab soalan kajian yang ditimbulkan. Penulisan laporan bagi kajian kualitatif tidak mempunyai satu piawaian yang seragam sebaliknya amat bergantung kepada keupayaan penyelidik untuk membuat deskripsi terhadap laporan yang ditulis dan perlu dibuat dalam bentuk naratif penceritaan agar laporan kajian dapat difahami khalayak secara keseluruhan.

Kerangka Panduan Pelaporan Penyelidikan Kajian Kes Kualitatif Pendidikan Bahasa Melayu

Penulisan sesebuah kertas kajian kualitatif adalah berbeza dengan reka bentuk kajian yang lain. Penyelidik perlu bijak dalam memberikan penekanan terhadap perkara apa yang ingin diperkatakan dalam sesebuah makalah yang dihasilkan. Kertas kajian bagi pendekatan kajian kes perlu ditulis dengan mengambil kira aspek-aspek tertentu bagi topik metodologi kajian dan bagi setiap topik yang dibincangkan, adalah perlu bagi penyelidik sains sosial membuat justifikasi bagi setiap tindakan, perbuatan atau keputusan yang dilakukan semasa kajian

kualitatif dilangsungkan. Dalam kertas kajian ini, penyelidik mengambil pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2012b) dalam menyediakan kerangka panduan penulisan kertas kajian kualitatif bagi bidang sains sosial. Kerangka panduan penulisan ini merangkumi tiga bab utama yang diperincikan setiap satunya mengikut sub topik sebagaimana yang diperlihatkan dalam jadual berikut:

Perbincangan Bab 1	Perbincangan Bab 2	Perbincangan Bab 3
<p>(1) Pengenalan</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Tajuk kajian (b) Pendahuluan dan latar Belakang kajian (c) Permasalahan kajian (d) Tujuan kajian (e) Objektif kajian dan persoalan kajian (f) Kepentingan kajian (g) Limitasi kajian (h) Definisi operasional kajian 	<p>(2) Tinjauan kepustakaan</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Perbincangan secara rinci bagi topik dan sorotan literatur isu yang dikaji (b) Kerangka konseptual kajian/ kerangka teoritikal kajian 	<p>(3) Metodologi kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Reka Bentuk Kajian (b) Pendekatan Kajian Kualitatif :Kajian Kes (c) Responden dan sampel kajian (d) Lokasi kajian (e) Kajian Rintis (f) Tatacara Pelaksanaan Kajian (g) Tatacara Pemerolehan data (h) Tatacara Penganalisisan data (i) Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian (j) Etika Penyelidikan (k) Pengkaji sebagai Instrumen Kajian – Bias Pengkaji

Jadual 1: Kerangka Panduan Penulisan Kertas Kajian Kes Kualitatif

Bagi bab satu dan dua, wujud persamaan bagi sub topik yang dibincangkan oleh penyelidik pendidikan Bahasa Melayu dalam penulisan tesis mahupun kertas kajian. Namun begitu, bagi perbincangan bab tiga iaitu perbincangan berkaitan metodologi kajian, wujud perbezaan yang amat ketara bagi kedua-dua reka bentuk penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana pelaporan kajian kes kualitatif memerlukan seseorang penyelidik bercerita atau memberikan deskripsi secara terperinci mengenai apa yang berlaku dalam konteks sebenar yang berlaku di lapangan kajian. Contohnya adalah seperti berikut:

Nota berpelekat (sticky note) merupakan instrumen PAK21 yang digunakan dalam aktiviti kunjungan galeri (gallery walk). Bagi setiap aktiviti gallery walk yang dilangsungkan, Encik Fahmi akan memberikan nota berpelekat kepada semua murid. Hal ini demikian kerana Encik Fahmi akan meminta murid untuk menulis komen, kritikan, cadangan atau pandangan murid pada nota berpelekat ini bagi setiap hasil kerja yang dibentangkan. Petikan berikut menunjukkan kegunaan nota berpelekat ini:

Encik Fahmi: sticky note tu untuk komenlah, komen. Pertama kalau ada kesalahan-kesalahan tatabahasa (TB8/baris 417-418).

Encik Fahmi: ataupun dia rasa karangan tu tak sesuai, takde tokoh ke atau ade-ade takde kata-kata hikmat ke (TB8/baris 420-421).

Encik Fahmi: pelajar ni dia tahu bila sesebuah karangan ni ciri-ciri karangan yang baik tu mesti ada kena ada ni, ada ni tapi cuma masalahnya kenapa bila kita camtu errr bila dia bina karangan sendiri (TB8/baris 426-431).

Perlu difahami dengan jelas bagi kajian kualitatif, penyelidik bertindak sebagai instrumen kajian yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan kajian sehingga penyelidik dapat menyediakan laporan akhir kajian. Justeru, penulisan bab ketiga memerlukan penyelidik memperincikan setiap aspek yang mendasari penyelidikan kualitatif iaitu justifikasi pemilihan reka bentuk penyelidikan dan pendekatan kajian yang digunakan dan disuai padan bersama dengan objektif dan soalan kajian. Justifikasi yang dinyatakan oleh seseorang penyelidik bagi pemilihan reka bentuk penyelidikan dan pendekatan kajian sewajarnya dilihat berupaya untuk menunjukkan kepentingan sesuatu perkara yang diteliti itu dapat dilakukan dengan menggunakan kajian kualitatif. Misalnya dapat dilihat pada laporan kajian kes kualitatif yang berikut:

Dalam kajian ini, penelitian yang mendalam terhadap kes yang dikaji iaitu penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif dilakukan secara komprehensif terhadap dua orang peserta kajian. Penyelidikan kajian kes kualitatif dapat membuka peluang kepada pengkaji memahami fenomena penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kerana kemampuan kajian kes menjana pengetahuan tambahan tentang kes yang diteliti. Perkaitan pelbagai objek, elemen, isu yang tersirat ataupun masalah-masalah yang mempengaruhi penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu dapat dibincangkan dengan menggunakan pendekatan kajian kes.

Tambahan pula, usaha mencari penyelesaian dalam memperbaiki amalan atau masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dalam penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif dapat dilangsungkan. Hal ini kerana kajian kes juga berupaya membekalkan input berkaitan penambahbaikan cara atau penemuan baharu berkaitan kes yang dikaji (Roselan Baki, 2003a; Rozita Radhiah, 2012; Marzni Mohamed Mokhtar, 2013; Maizura Yasin, 2015). Justeru, pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif bertepatan untuk membantu pengkaji menjawab soalan-soalan kajian berkaitan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif yang dilaksanakan di sekolah menengah.

Selanjutnya, penyelidik perlu membangunkan kriteria khusus bagi pemilihan peserta kajian kerana dalam kajian kualitatif, peserta kajian dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Kriteria pemilihan peserta yang dibina ini juga memerlukan seseorang penyelidik menyatakan justifikasi yang bersesuaian dan dipadankan bersama bilangan peserta kajian yang terlibat dan diperkuuhkan dengan huraiyan yang jelas mengenai latar belakang peserta kajian merangkumi latar belakang pendidikan, keluarga, sosioekonomi dan pengalaman

peribadi terhadap isu pendidikan Bahasa Melayu yang dikaji. Penyelidik juga disarankan untuk membuat sorotan kajian terdahulu berkaitan bilangan sampel kajian kerana kajian kualitatif tidak memberikan perhatian pada aspek kuantiti dan generalisasi dapatan kajian sebaliknya pemberatan perspektif peserta kajian terhadap sesuatu isu yang diteliti. Lihat pada contoh yang berikut:

Berdasarkan tujuan penggunaan teknik pensampelan bertujuan dalam kajian ini, seramai dua orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Selangor telah dipilih. Guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Empat dipilih memandangkan Tingkatan Empat merupakan tahun bagi murid mengalami proses transisi pengetahuan daripada tahap menengah rendah kepada menengah atas.

Justeru, guru Bahasa Melayu dapat memberikan pendedahan awal kepada murid Tingkatan Empat terhadap tuntutan kehendak soalan SPM yang mengandungi 50% soalan berasaskan KBAT bermula pada tahun 2016. Guru juga dapat menyediakan murid bagi menghadapi peperiksaan SPM apabila berada di Tingkatan Lima. Penglibatan guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Empat sebagai peserta kajian adalah bertepatan dengan keperluan kajian yang ingin meninjau pemahaman dan bagaimana cara penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Selanjutnya, penyelidik pendidikan Bahasa Melayu juga perlu menjelaskan mengapa dan bagaimana pemilihan lokasi kajian dilakukan dalam kajian secara terperinci. Hal ini amat penting bagi mengelakkan berlakunya bias pengkaji dalam proses mendapatkan data yang bermakna dalam kajian kualitatif. Penyelidik perlu membuat huraian yang terperinci terhadap keistimewaan yang terdapat di lokasi kajian yang menjadikan lokasi tersebut dipilih sebagai sumber utama membekalkan dapatan kajian. Huraian ini meliputi aspek penceritaan sejarah, keadaan geografi, infrastruktur, kemudahan penyelidik untuk melakukan akses ke lokasi mahupun penerimaan pihak berautoriti di lokasi yang dipilih. sebagai contoh, berikut ialah laporan penulisan kajian kes bagi pemilihan lokasi kajian:

Penentuan lokasi kajian juga dilakukan dengan cara pengkaji menetapkan pemilihan sekolah menengah yang memiliki latar belakang sosioekonomi yang baik. Antara aspek yang diberikan perhatian ialah kedudukan sekolah menengah yang terletak di bandar, bahasa pengantar, jenis sekolah menengah, kemudahan infrastruktur sekolah dan sebagainya. Latar belakang sosioekonomi sekolah menengah yang baik ini dapat membantu pengkaji menangani isu bias dalam proses pengumpulan data memandangkan sekolah menengah yang terlibat ini menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, terletak di pinggir bandar di Selangor dan mudah diakses oleh pengkaji dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang membantu pengkaji untuk mendapatkan data dalam keadaan yang selesa.

Selanjutnya, dalam kertas kajian kualitatif, penyelidik juga boleh melakukan perbincangan berkaitan kajian rintis yang dilangsungkan sebelum bermulanya proses pengumpulan data sebenar di lapangan kajian. Tujuan kajian rintis dilakukan adalah untuk memberikan pendedahan awal, pengalaman dan melatih penyelidik untuk menjadi lebih yakin

dan selesa dengan keadaan di lapangan kajian dalam kajian kualitatif. Kajian rintis ini tidak dilakukan untuk menguji dapatan kajian yang akan diperoleh. Sekiranya penyelidik berpeluang untuk melakukan kajian rintis bagi mendapatkan gambaran awal bagi isu pendidikan Bahasa Melayu yang akan dikaji, penyelidik boleh menceritakan bagaimana kajian rintis tersebut diurus tadbir dalam kertas kajian mahupun penulisan tesis sebagai salah satu cara penyelidik menimba ilmu dan pengalaman menguruskan data dalam konteks sebenar. Berikut ialah contoh bagi pelaporan kajian rintis yang menggunakan reka bentuk penyelidikan kajian kes:

Selanjutnya, dapatan kajian rintis telah menemukan tiga tema utama bagi menjawab soalan kajian yang kedua iaitu proses pelaksanaan dan penggunaan elemen KBAT dalam PdP kemahiran menulis karangan argumentatif. Tema-tema ini terdiri daripada amalan pedagogi guru, ekspektasi pelaksanaan penggunaan KBAT dan cabaran penggunaan KBAT dalam PdPc. Amalan pedagogi guru menunjukkan bahawa CA dan CB seringkali dan selesa menggunakan kaedah pengajaran yang dilakukan dalam bentuk perbincangan dalam kumpulan di samping menggunakan teknik penyoalan bagi melaksanakan penggunaan elemen KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif.

Data-data yang dibekalkan oleh CA dan CB menunjukkan bahawa tema berikutnya yang dapat dibentuk ialah ekspektasi pelaksanaan penggunaan elemen KBAT. Bagi melicinkan proses penggunaan elemen KBAT dalam PdPc kemahiran menulis karangan, terdapat dua tuntutan utama yang perlu diberikan perhatian oleh guru. Antaranya ialah penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan tempat pelaksanaan PdPc yang menarik minat murid. Malah, tema terakhir yang dibentuk menunjukkan cabaran pelaksanaan KBAT adalah disebabkan kurangnya budaya membaca dalam kalangan murid.

Salah satu tatacara pelaksanaan kajian kualitatif yang perlu dilakukan oleh penyelidik pendidikan Bahasa Melayu adalah melibatkan penjelasan yang tepat terhadap prosedur kajian itu dilangsungkan. Tatacara pelaksanaan kajian ini melibatkan kesemua usaha yang dilakukan oleh pengkaji sama ada sebelum, semasa dan selepas kajian dilakukan. Penjelasan yang tepat ini amat penting bagi memastikan tatacara pelaksanaan kajian ini dilakukan tanpa mengabaikan aspek etika penyelidikan kerana kajian kualitatif melibatkan pandangan, perspektif, pengalaman atau pemahaman seseorang individu berkaitan sesuatu isu. Adalah menjadi tanggungjawab penyelidik untuk memastikan tatacara pelaksanaan kajian terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak berautoriti bagi mengelakkan kajian yang dilakukan menyentuh sentiviti-sentiviti yang berkaitan dengan agama, kaum, politik atau sebagainya.

Prosedur pelaksanaan kajian ini merangkumi tiga fasa utama iaitu (i) fasa persediaan; (ii) fasa pelaksanaan; dan (iii) fasa kerja-kerja susulan selepas tamat proses pengumpulan data sebenar. Perincian bagi setiap fasa ini merangkumi aspek berikut:

- i. *Fasa Pertama (memohon kelulusan daripada pihak berautoriti, membina rapport bersama peserta kajian rintis dan melaksanakan kajian rintis)- Jun 2015 hingga September 2015.*

- ii. *Fasa Kedua (kelulusan penukaran lokasi kajian daripada pihak berautoriti, membina rapport bersama peserta kajian dan pengumpulan data sebenar) –Februari hingga November 2016.*
- iii. *Fasa Ketiga (penganalisisan data dan kerja-kerja susulan) – Disember 2016 hingga Mei 2017.*

Sub topik seterusnya yang perlu dibincangkan dalam kertas kajian kualitatif atau penulisan tesis ialah tatacara pemerolehan data. Bagi tatacara pemerolehan data, penyelidik perlu membuat kupasan yang rinci terhadap teknik pengumpulan data yang digunakan sama ada teknik temu bual, pemerhatian atau penganalisisan dokumen. Tatacara pemerolehan data yang digunakan dalam kajian ini juga perlu dibincangkan bersama sorotan literatur terdahulu dan kemudiannya dipadankan bersama kerelevanan sesuatu teknik pengumpulan data dilakukan dalam kajian bagi menjawab soalan kajian. Penyelidik perlu membuat huraian berkaitan apa dan mengapa teknik pemerolehan data tersebut dipilih, aktiviti, tarikh, durasi masa, bilangan, di mana, siapa yang terlibat, peralatan yang dilakukan semasa teknik pemerolehan data dilakukan. Hal ini amat penting untuk dihuraian bagi menjamin ketepatan data-data yang diperoleh oleh penyelidik dan tidak bersifat rekaan semata-mata di samping membolehkan penyelidik menangani isu berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan data. Misalnya, dapat diteliti dalam laporan berikut:

Setelah meneliti soalan kajian, teknik temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana gambaran yang lebih tepat dalam konteks pemahaman peserta kajian mengenai penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif bersifat lebih menyeluruh kerana pengkaji berpeluang untuk bertanya lebih lanjut mengenai sesuatu tindakan ataupun pernyataan yang dibuat terutamanya semasa pemerhatian di dalam bilik darjah. Dengan menemu bual peserta kajian yang berkenaan, penjelasan dan maklumat lanjut tentang sesuatu yang dituturkan dapat diperoleh (Patton, 2002; Schostak, 2006; Nik Suryani Nik Abdul Rahman, Suhailah Hussein & Mastura Badzis, 2008).

Penggunaan teknik temu bual separa berstruktur juga mampu membuka peluang kepada pengkaji mengemukakan soalan yang diubah suai dan disusun mengikut bentuk soalan, turutan soalan mahupun cara soalan diajukan mengikut reaksi dan tindak balas peserta kajian. Hal ini kebiasaannya berlaku apabila pengkaji telah menyampaikan sebahagian soalan formal yang dibina dengan berdasarkan kepada soalan kajian yang telah ditetapkan, namun memerlukan huraian yang lebih jelas mengenai sesuatu yang dibincangkan oleh peserta kajian.

Perbincangan bagi sub topik tatacara penganalisisan data pula memerlukan penyelidik untuk menyatakan cara, teknik atau kaedah yang digunakan untuk menganalisis kesemua data data mentah dalam kajian kualitatif. Dalam sub topik ini, penyelidik pendidikan Bahasa Melayu perlu menceritakan dengan jelas bagaimana sesuatu data itu diolah dalam setiap proses yang terlibat sehingga membentuk tema bagi menjawab soalan kajian pada akhirnya. Penyelidik juga perlu menerangkan adakah data-data yang dianalisis ini dengan berbantuan perisian komputer seperti Nvivo dan Atlas ti. atau menggunakan kaedah manual dan memberikan justifikasi bagi setiap kaedah yang digunakan. Setelah penyelidik menghuraikan sub topik tatacara penganalisisan data, penyelidik juga perlu memberikan perhatian pada aspek kebolehpercayaan

dan kesahan data yang digunakan dalam kajian. Contoh pelaporan proses penganalisisan data adalah seperti berikut:

Proses penganalisisan data dalam kajian kualitatif sebenarnya merupakan aktiviti yang saling bertimbang-balik dengan proses pengumpulan data. Hal ini demikian kerana pengkaji perlu bekerja dengan data-data yang besar dan banyak (Gibbs, 2007) bagi melakukan kerja-kerja pengumpulan data, pensampelan, pengekodan dan pengkategorian, penemuan makna dan pembinaan tema dilakukan pada tempoh masa yang sama

Dengan membaca teks yang terdapat pada transkripsi temu bual, meneliti kandungan rakaman video dan catatan pemerhatian dan produk karangan argumentatif murid, pengkaji dapat mengenal pasti beberapa kod yang bersifat deskriptif yang ditemukan dalam transkripsi atau teks bagi mendapatkan kefahaman yang mendalam. Malah, kod-kod yang telah ditandakan dalam kajian ini dinamakan semula dan pengkaji menulis semula definisi yang dapat digunakan untuk mewakili idea yang relevan untuk menjawab persoalan kajian. Pengkaji melakukan proses pengekodan dengan cara mengenal pasti kod-kod yang relevan dalam temu bual yang pertama antara pengkaji dengan peserta kajian dan kemudiannya disusuli dengan temu bual yang seterusnya sehingga kajian tamat. Pada peringkat ini, pengkaji mengenal pasti corak, perulangan dan kekerapan kod yang dapat menjadi penanda aras kepada pengkaji dalam mengumpulkan data yang seterusnya untuk membina kategori serta tema bagi menjawab ketiga-tiga soalan kajian dalam kajian ini.

Dalam kajian kualitatif, terdapat lapan cara yang digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan yang diperoleh dalam bidang sains sosial. Lapan-lapan cara ini terdiri daripada (i) hubungan yang berterusan (prolonged engagement); (ii) triangulasi; (iii) jejak audit (audit trail); (iv) semakan peserta kajian (members checking); (v) penilaian rakan (peer review); (vi) penilaian pakar (inter-raters atau co-raters); (vii) bias pengkaji; dan (viii) deskripsi data yang mendalam dan bermakna (thick and rich data description). Penyelidik tidak perlu menggunakan kesemua cara ini untuk meneliti kebolehpercayaan dan kesahan data sebaliknya boleh memilih cara-cara tetentu sahaja dalam kajian. Namun begitu, penyelidik pendidikan Bahasa Melayu perlu menyatakan dengan jelas cara tertentu yang dipilih untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian dalam penulisan kertas kerja dan tesis bagi kajian kualitatif. Misalnya, berikut ialah contoh penggunaan penilaian pakar (inter raters) bagi kajian yang dilakukan:

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan 50 unit bagi mencari nilai persetujuan setiap tema (unit). Setelah dikira nilai persetujuan ketiga-tiga pakar, pengkaji telah memperoleh indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.83, iaitu pada skala sangat baik bagi tema yang terhasil untuk soalan kajian pertama. Bagi tema yang terdapat pada soalan kajian kedua, nilai Kappa yang diperoleh ialah 0.6 dan berada pada skala persetujuan baik. Nilai Kappa 0.97 yang berada pada skala sangat baik pula merupakan nilai yang mewakili nilai Kappa bagi tema yang dibentuk bagi menjawab soalan kajian ketiga.

Aspek yang terakhir yang perlu dibincangkan dalam kertas kajian atau penulisan tesis kajian kualitatif adalah berkaitan dengan subtopik etika penyelidikan dan tanggungjawab pengkaji sebagai instrumen kajian. Bagi aspek ini, pengkaji perlu mendapatkan maklumat berkaitan undang-undang, peraturan atau garis panduan pelaksanaan kajian terutamanya bagi kajian yang melibatkan individu, lokasi, agama, bangsa, bahasa, penggunaan peralatan atau instrumen khusus, pihak berautoriti misalnya kementerian atau apa sahaja yang perlu disesuaikan dengan keperluan kajian. Penyelidik digalakkan untuk menggunakan nama samaran atau melabel semula kesemua individu, organisasi atau cerita yang akan menjadi rujukan di dalam penulisan kertas kerja atau penulisan tesis. Hal ini amat penting dan menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memberikan jaminan keselamatan diri kepada peserta kajian sebagai pembekal data utama dan melindungi lokasi, organisasi atau pihak berautoriti yang menjadi subjek perbincangan dalam kajian. Etika kerahsiaan ini amat penting untuk diamalkan oleh penyelidik pendidikan Bahasa Melayu dan seterusnya dibudayakan dalam penulisan kertas kerja atau tesis sebagai salah satu cara memelihara etika penyelidikan kajian kualitatif. Hal ini demikian kerana kajian kualitatif tidak dilangsungkan dengan tujuan untuk mencari kesalahan mana-mana individu atau organisasi sebaliknya memberikan gambaran keseluruhan terhadap kes, fenomena atau isu yang dikaji dan membentuk pemahaman mengikut konteks sebenar yang berlaku di lapangan kajian. Contohnya adalah seperti berikut:

Pengkaji juga telah mendapatkan kelulusan menjalankan kajian semasa menemui peserta kajian dan pihak berautoriti (KPM, JPNS & Pengetua Sekolah) sebelum memasuki lapangan kajian. Setelah persetujuan dicapai antara pengkaji dengan kedua-dua peserta kajian, pengkaji mendapatkan keizinan mereka secara lisan dan bertulis di samping memaklumkan kepada peserta kajian bahawa tempoh proses pengumpulan data yang berlangsung bergantung pada tujuan, persoalan kajian dan protokol temu bual sehingga mencapai tahap ketepuan data. Hal ini demikian kerana pengumpulan data daripada kesemua peserta kajian hanya akan selesai sekiranya data-data yang diberikan oleh mereka mencapai tahap ketepuan (Miles & Huberman, 1984; Cresswell & Miller, 2000; Merriam, 1988 & 2009; Denzin & Lincoln, 2008; Yin, 2003 & 2009). Kedua-dua peserta kajian diminta untuk menandatangani Surat Persetujuan (Consent Form) (Rujuk Lampiran 6) secara bersama antara peserta kajian dengan pengkaji sebelum proses pengumpulan data dilakukan.

KESIMPULAN/ CONCLUSION

Adalah sukar untuk merangka penilaian kualiti reka bentuk penyelidikan kualitatif yang amat dipengaruhi oleh falsafah dan paradigma yang pelbagai dan adakalanya saling pertindanan antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana kesukaran untuk mendapat satu kata sepakat berkaitan kriteria kualiti yang relevan, tepat dan adil untuk menilai kualiti penyelidikan kualitatif berbanding penyelidikan kuantitatif yang sifatnya sangat objektif untuk diukur. Justeru, adalah penting untuk mewujudkan satu kerangka asas untuk menentukan kualiti penyelidikan kualitatif dan dibuat secara terbuka, tidak rigid dan memberikan penekanan pada konteks dan budaya kajian kualitatif itu dilangsungkan.

PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGMENT

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan tesis doktor falsafah “Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Kemahiran Menulis Karangan Argumentatif”. Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- A.Chaedar Alwasilah. (2002). *Pokoknya Kualitatif Dasar-dasar Merancang dan Melakukan Penelitian Kualitatif*. Jakarta: PT Dunia Pustaka Jaya & Pusat Studi Sunda.
- Ang Kean Hua. (2016). Nota Revisi Mengenai Penyelidikan dan Kajian Kes: Satu Tinjauan Literatur. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 12 Issue 10*, hlm. 49- 55.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia Volume 6 Issue 1*, hlm. 1-12.
- Balakrishnan Parasuraman. (2017). Perdebatan Kajian Sains Sosial: Pengalaman Penyelidik. *Jurnal Kemanusiaan Bil.18*, hlm. 46-58.
- Baxter, P. & Jack, S. (2008). Qualitative Case Study Methodology: Study Design and Implementation for Novice Researchers. *The Qualitative Report Volume 13 Number 4*, hlm. 544-559.
- Chris Cloke, Sabariah Sharif & Abdul Said Ambotang. (2006). A Qualitative Study of Pedagogical Issues Arising from the Introduction of the Malaysian – Smart School Initiative. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 21, hlm. 129–147.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J.W. (2013). Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches. Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.
- Creswell, J.W. (2014). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches 4th Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.
- Darlington, Y. & Scott, D. (2002). Qualitative Research in Practice Stories from the Field. Buckingham: Open University Press.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (2008). The Landscape of Qualitative Research. Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.
- Faridah Darus, Rohaida Saat & Abd. Razak Zakaria. (2013). Transformasi Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JUKU), Julai, Bil. 1 Isu 3*, hlm. 47-57.
- Frankel, R.M. & Devers, K. (2000). Qualitative Research: A Consumer's Guide. *Education for Health Vol 13.1*, hlm. 113-123.
- Gerring, J. (2007). Case Study Research Principles and Practices. Cambridge: Cambridge University Press.

- Gibbs, G. (2007). *Analyzing Qualitative Data*. London: SAGE Publications Ltd.
- Glesne, C. (2006). *Becoming Qualitative Researchers an Introduction Third Edition*. Boston: Pearson Education.
- Glensne, C. (2011). *Becoming Qualitative Researchers an Introduction Fourth Edition*. Boston: Pearson Education.
- Gumilar Rusliwa Somantri. (2005). Memahami Metode Kualitatif. MAKARA, SOSIAL HUMANIORA, VoL. 9, No. 2, December, hlm. 57-65.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012a). Analisis Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 (Hlm 1-11). Puteri Resort Melaka: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. 28-29 Mac.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012b). Tesis Pra Lapangan Kajian dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 (Hlm 1-15). Puteri Resort Melaka: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. 28-29 Mac.
- Koo Yew Lie, Wong Fook Fei, Kemboja Ismail, Chang Peng Kee & Mohd Subakir Mohd Yasin. (2011). Literasi Kritikal dalam Konteks Pendidikan Tinggi: Suara dari Sebuah Bilik Darjah di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 11 (2), hlm. 99-119.
- M. Puvenesvary, Radziah Abdul Rahim, R.Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz. (2008). *Qualitative Research Data Collection & Data Analysis Techniques*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah. Dalam Marohaini Yusoff, Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian (hlm. 87-119). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif Dalam Marohaini Yusoff, Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (hlm. 35-60). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff. (2004). *Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2013). Amalan Penaksiran Guru dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Argumentatif. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Pendidikan: Universiti Putra Malaysia.
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2018). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Penulisan Karangan Argumentatif. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Ilmu Pengajian Pendidikan: Universiti Sains Malaysia.
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching*. London: SAGE Publication, Inc.
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey- BassPublishers.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation: Revised and Expanded from Qualitative Research Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Nabilah Abdullah, Rohaya Abdul Wahab, Ghaziah Ghazali, Shireena Basree Abdul Rahman dan Norshidah Nordin. (2010). Ciri-ciri Penyelidikan Kualitatif Dalam Noraini Idris,

- Penyelidikan dalam Pendidikan (hlm. 275-343). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah & Siti Rahayah Arifin. (2010). Kajian Kes Dalam Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (Hlm. 345-371). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Parsudi Suparlan. (2014). Paradigma Naturalistik Dalam Penelitian Pendidikan: Pendekatan Kualitatif dan Penggunaannya. Antrapologi Indonesia 53, hlm. 91-115.
- Patton, M. Q. (2001). Qualitative Research and Evaluation Methods (3rd Edition.). Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Roselan Baki. (2001). Interaksi Lisan Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu daripada Perspektif Guru. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shireena Basree Abdul Rahman, Norshidah Nordin, Nabilah Abdullah, Ghaziah Mohd Ghazali & Rohaya Abdul Wahab. (2010) Etika dan Penyelidikan Dalam Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (hlm. 65-83). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman. (2000/2001). Quantitative & Qualitative Research Methods: Some Strengths & Weaknesses. *Jurnal Pendidik & Pendidikan*, Jilid 17, hlm. 120-134.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2016). Qualitative Research, Interview Analysis and Nvivo11 Exploration. Kuala Lumpur: ARAS Publisher.